

ORGANISASI DALAM PERUT:

Satu Kajian Kes Di Kampung Pegoh

Wilayah Naning, Melaka

Oleh

Abu Hasan bin Jaalam

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi
Syarat-syarat Bagi Ijazah Sarjana Muda
Sastera (dengan Kepujian)

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
1974/1975

SINOPSIS

Komuniti matrilineal telah banyak diperbincangkan dalam kajian lidikan mahasiswa bagi tujuan latihan ilmiah, tetapi kesemua kajian-kajian ini ditumpukan kepada komuniti matrilineal dalam Negeri Sembilan. Kajian tentang komuniti matrilineal di Wilayah Naning khususnya belum mendapat perhatian yang begitu serious dari pengkaji-pengkaji.

Bagi memperluaskan bidang kajian tentang komuniti matrilineal di Wilayah Naning, penulis akan mengkaji perkembangan komuniti ini dari sudut kaji budaya, yang akan ditumpukan dalam kajian Organisasi Dalam Perut. Penulis akan melihat sejauhmanakah perut dapat memainkan peranan untuk mengekalkan perpaduan anggota-anggota dan menyelesaikan konflik. Bagaimanakah penyelesaian ini berguna untuk membuat penyesuaian dengan perubahan politik dan ekonomi. Dalam konteks ini penulis melihat organisasi perut dari dua dimensi iaitu dari segi peranan dan fungsi ketua adat serta individu-individu yang menganggotai satu-satu perut khasnya dan suku amnya.

Bab I sebagai pengenalan, antara lain menghuraikan latar belakang keadaan ekonomi dan keadaan Ilmu Alam di kawasan kajian.

Dalam Bab II penulis membincangkan beberapa konsep penting yang akan menjadi teras perbincangan selanjutnya. Misalnya konsep suku dalam perut, ideologi kesukuan, perut-perut dalam suku, jurai-jurai dalam

perut, anak buah dalam suku dan kedin-kedeh dalam perut. Manakala dalam Bab III kajian ditumpukan kepada "hiraki sosial dan pimpinan dalam perut". Antara lain penulis akan melihat konsep hiraki dalam komuniti Adat Per-Pateh. Dalam membincangkan konsep ini, penulis akan melihat dua bentuk pimpinan iaitu bentuk pimpinan tradisional dan keduanya bentuk pimpinan birokrasi. Bab ini juga membincangkan hiraki pimpinan dalam perut iaitu penulis melihat sejauh manakah peranan buapak dan kedin sebagai ketua bagi satu-satu perut dan jurai mentadbir keseluruhan anak buahnya. Dalam Bab IV, penulis menghuraikan organisasi dalam perut dalam konteks kekeluargaan, perkahwinan dan pemilihan jodoh.

Dalam Bab V penulis melihat peranan perut dalam menyelesaikan sebarang konflik, misalnya konflik yang timbul antara adik beradik berhubung dengan pembahagian tanah pesaka. Sejauh manakah peranan buapak dan kedin dalam menyelesaikan sebarang konflik yang timbul dan bagaimanakah penyelesaian dibuat.

Bab VI menghuraikan adat dan perubahan, satu refleksi dari perubahan-perubahan di peringkat perut. Bentuk perubahan-perubahan yang dilihat ialah dalam konteks susunan dan hubungan kekeluargaan, organisasi ekonomi, semenda menyemenda dan perubahan pimpinan dalam perut.

Bab VII merupakan kesimpulan daripada keseluruhan perbincangan.

PENGHARGAAN

Dalam membuat kajian ini, saya banyak berhutang budi kepada beberapa orang yang sedia memberi pertolongan, kerjasama dan bimbingan dan kepada mereka ini semua saya ucapkan terima kasih. Teristimewa sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Encik Mohd. Dahlan Hj. Aman, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam usaha mengawasi penulisan ini, Encik Mohd. Dahlan telah membuat teguran-teguran yang membina dan setelah menyemak kajian ini dengan cara yang penuh teliti, saya telah dapat menyiapkan seperti bentuknya sekarang ini. Dalam keadaan yang sebuk itu Encik Mohd. Dahlan telah dapat juga meluangkan masanya untuk mengawasi penulis. Atas pengorbanan yang dibuat oleh Encik Mohd. Dahlan, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Sidang Othman bin Ibrahim, Hj. Jaalam bin Hj. Idris, Hajjah Nyonya binti Taib, Encik Hitam bin Mula dan penduduk-penduduk kampung Pegoh, atas kerjasama yang diberikan semasa saya berada di kawasan kajian.

Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Sdri. Zawiah Yussof yang telah banyak memberikan pertolongan dengan tidak mengira masa dan tenaga untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. KEPADANYA sekali lagi

saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Akhirnya terima kasih diucapkan kepada kakitangan pejabat Penghulu Alor Gajah, Pustakawan dan kakitangan perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia kerana kemudahan dan kerjasama yang diberikan. Juga kepada saudara Mohd. Sahir Naim kerana pertolongan beliau menaip latihan ilmiah ini. Kepada semuanya saya ucapkan TERIMA KASIH.

Abu Hasan bin Jaalam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur
Februari, 1975.

SINGKATAN

JMBRAS : Journal of The Malaysian Branch Royal Asiatic
Society

JADUAL

		Halaman
1.	Jadual 1.1 : Banci Penduduk Dan Perumahan Kampung Pegoh Tahun 1970	2
2.	Jadual 1.2 : Bilangan Isi Rumah Mengikut Kampung-Kampung Wilayah Naning, Melaka	7
3.	Jadual 5.1 : Masa Penyelesaian Konflik Di Kampung Pegoh, Wilayah Naning, Melaka	89
4.	Jadual 6.1 : Penggunaan Trektor Dalam Penyediaan Sawah Di Kampung Pegoh	101
5.	Jadual 6.2 : Penggunaan Tenaga Menyeraya Dalam Penyediaan Sawah Di Kampung Pegoh, Wilayah Naning, Melaka	101

KANDUNGAN

	Halaman
SINOPSIS	ii
PENGHARGAAN	iv
SINGKATAN	vi
JADUAL	vii
KANDUNGAN	viii
 BAB I : PENGENALAN	 1
1.1 : Tujuan Kajian	1
1.2 : Kawasan Kajilidik	2
1.3 : Persoalan Pokok	3
1.4 : Hipotesis	4
1.5 : Method Kajilidik	4
1.6 : Ilmu Alam	5
1.7 : Ekonomi	8
 BAB II : KELOMPOK SOSIAL ATAS FAKTOR ADAT	 11
2.1 : Suku Dalam Adat	11
2.2 : Ideoloji Kesukuan	17
2.3 : Perut-Perut Dalam Suku	21
2.4 : Jurai-Jurai Dalam Perut	26
2.5 : Anak Buah Dalam Suku	28
2.6 : Kedir-Kedeh Dalam Perut	37
 BAB III : PERUT DILIHAT DARI SEGI HIRAKI SOSIAL DAN PIMPINAN ..	 39
3.1 : Sistem Pimpinan Tradisional	39
3.2 : Susunan Tadbiran Adat Selepas Kedatangan Inggeris	42

3.3 : Hiraki Pimpinan Dalam Perut	...	...	...	47
3.4 : Buapak	...	...	...	47
BAB IV : ORGANISASI DALAM PERUT	...	...	...	53
4.1 : Kekeluargaan	...	...	...	53
4.2 : Perkahwinan	...	...	...	65
4.3 : Pemilihan Jodoh	...	...	...	80
BAB V : PERUT SEBAGAI SATU MEKANISMA SOSIAL	...	...	...	87
5.1 : Penyelesaian Konflik	...	...	...	87
5.2 : Alternatif Dari Segi Jalan Buntu Dalam Hidup Bersuku				90
BAB VI : ADAT DAN PERUBAHAN SATU REFLEKSI DARI PERUBAHAN-PERUBAHAN .				
DI PERINGKAT PERUT	...	...	...	96
6.1 : Aliran Tua	...	...	...	96
6.2 : Aliran Kaum Belia/Pemuda	...	...	...	97
6.3 : Susunan Kekeluargaan	...	...	...	97
6.4 : Organisasi Ekonomi	...	...	...	99
6.5 : Hubungan Kekeluargaan	..	...	...	102
6.6 : Semenda Menyemenda	...	...	...	103
6.7 : Perubahan Pimpinan	...	...	...	104
BAB VII : KESIMPULAN	...	...	...	105
BIBLIOGRAFI	...	...	...	111
LAMPIRAN : Lampiran 1 : ATURAN HUKUM BUNUH	...	...	...	113
Lampiran 2 : NAMA-NAMA PENGHULU NANING SEJAK ZAMAN PORTUGIS HINGGA SEKARANG 1632 - SEKARANG	...	...	...	116
Lampiran 3 : PETA DAERAH ALOR GAJAH DAN WILAYAH ADAT NANING	...	...	...	118

BAB DUA

KELOMPOK SOSIAL ATAS FAKTOR ADAT

- 2.1 : Suku Dalam Adat.
- 2.2 : Ideologi Kesukuan.
- 2.3 : Perut-Perut Dalam Suku.
- 2.4 : Jurai-Jurai Dalam Perut.
- 2.5 : Anak Buah Dalam Suku.
- 2.6 : Kedin-Kedeh Dalam Perut.

KELOMPOK SOSIAL ATAS FAKTOR ADAT


2.1 : Suku Dalam Adat.

Suku dianggap sebagai satu kelompok kekeluargaan yang besar dalam konteks masyarakat Adat Perpatih. Adalah dipercayai bahawa anggota-anggota dalam satu-satu suku berasal dari moyang perempuan (ancestress) yang sama, akan tetapi garis salsilah yang berpuncakan moyang perempuan itu, sebenarnya, tidak dapat dipastikan dengan tepat dan jelas. Moyang perempuan itu lebih bersifat realiti mitos daripada realiti sejarah.

Jika dilihat dari teori kekeluargaan nyatalah bahawa kelompok suku adalah kelompok clan kerana apa yang dikatakan clan ialah kelompok orang-orang lelaki dan perempuan yang mengakui hubungan kekeluargaan satu nisab keturunan (unilineal descent) yang benar ataupun fictitious.⁹

Keanggotaan dalam suku-suku adalah berdasarkan kepada kelahiran atau/dan melalui upacara kedim. Penentuan suku melalui kelahiran adalah mengikut keturunan nisab ibu. Sekiranya seorang perempuan dari Suku Tiga Batu Lubuk Kepong berkahwin dengan seorang lelaki dari suku Anak Melaka, anak-anak mereka ini akan tergolong ke dalam suku ibunya iaitu Suku Tiga Batu Lubuk Kepong. Gambarajah 2.1 mengilustrasikan prinsip penganggotaan dalam suku.

9. Lihat Notes and Queries on Social Anthropology, Routledge and Kegan Paul, London, 6th. ed. reprint 1960, halaman 89.

Rajah 2.i : Sistem Keturunan Matrilineal

Petunjuk: AM = Suku Anak Melaka

TBLK = Suku Tiga Batu Lubuk Kepong

S = Suku Semelenggang

----- = Lengkongan suku yang sama

Proses penggolongan keturunan mengikut nisab ibu adalah ciri yang terpenting dari segi keanggotaan suku dalam komuniti Adat Perpateh di Wilayah Nanning Melaka sejak zaman immemorial lagi. Keanggotaan suku melalui istiadat berkedim mempunyai kaitan dengan upacara menganak-angkat (adoption). Upacara ini ada dua bentuk iaitu "berkedim pinang sebatang" dan "berkedim aur serumpun".¹⁰ "Berkedim pinang sebatang" adalah

10. Keterangan oleh Jaalam Haji Idris, Batu 16, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

adat istiadat yang dilakukan ke atas orang-orang yang hendak memasuki satu-satu suku. Berkedim jenis ini hanya dilakukan pada diri seseorang individu lelaki sahaja. Bila ia bersemenda iaitu beristeri, maka anggota familinya kelak digolongkan ke dalam suku isterinya. Bagi seorang perempuan yang hendak berkedim, maka dikehendaki "berkedim aur serumpun". Berkedim jenis ini bererti meliputi seluruh anggota keluarga yang mengikut kekebangannya.

Jadi nyatalah bahawa "berkedim pinang sebatang" hanya untuk orang lelaki sahaja. Bagi orang perempuan, hendaklah ia melalui adat istiadat "berkedim aur serumpun" yang mana dengan sekali berkedim sahaja seluruh anggota dari kekebangannya dimasukkan ke dalam satu suku.

Dalam keadaan tradisi yang unggul (ideal), kelompok suku adalah merupakan kelompok dasar dalam organisasi masyarakat, di mana seluruh kegiatan dan pergerakan masyarakat dilakukan melalui organisasi suku. Tetapi pada hari ini di Pegoh, suku dalam bentuk ideal tidak lagi begitu penting sebagai unit organisasi masyarakat. Boleh dikatakan identiti atau pengenalan suku dikalangan penduduk-penduduk di Pegoh adalah samar-samar sahaja. Identiti ini hanya dirasakan atau ditimbulkan apabila berlakunya satu-satu upacara seperti perlantikan lembaga atau pengwarisan tanah pesaka suku.¹¹

11. Keterangan lanjut, sila lihat Mohd. Dahlan Hj. Aman, Pentadbiran Adat Ke Atas Sistem Tanah Di Naning (Melaka), Latihan Ilmiah 1968, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, halaman 78.

Walaupun sekarang fungsi suku sebagai unit organisasi masyarakat tidak sebegitu penting seperti di zaman tradisional, akan tetapi hubungan yang berdasarkan suku di dalam hubungan hari-hari masih ada. Sidang adalah menjadi ketua suku-suku. Oleh kerana itu perlantikan sidang dilakukan oleh ahli-ahli suku yang berkenaan. Berhubung dengan birokrasi daerah, sidang menjadi penghubung antara anak-anak buah dalam sukunya di kampung itu dengan pejabat daerah melalui institusi penghulu mukim.

Fungsi suku ke atas sistem tanah adat di Wilayah Naning amnya dan di Kampung Pegoh khasnya, masih berkekalan. Hal ini jelas kelihatan di Pejabat Tanah di mana tanah-tanah yang didaftarkan sebagai tanah pesaka suku tidak boleh dijual atau dipindahkan selain kepada waris-waris dekat dalam suku itu.¹² Adalah menjadi amalan di kampung ini bahawa ~~ini bahawa~~ kiranya ada sekeping tanah pesaka yang hendak dijual, tawaran hendaklah dibuat kepada ahli-ahli waris suku yang dekat. Sekiranya tawaran itu tidak disambut oleh ahli waris suku itu, barulah tawaran itu dibuka kepada ahli-ahli sesama suku, sebelum dikemukakan tawaran itu kepada orang ramai. Ini menunjukkan sekurang-kurangnya ada senarai keutamaan di peringkat pemikiran masyarakat secara kolektif.

Secara keseluruhannya, semua penulis dan pengkaji yang telah memerhati aspek sosial di Wilayah Naning bersetuju bahawa terdapat empat suku yang menjadi asas kepada pemecahan suku-suku yang lain. Suku itu

12. Lihat Mohd. Dahlan Hj. Aman, op. cit., halaman 74

ialah Anak Melaka, Semelenggang, Tiga Batu dan Mungkal.¹³ Suku-suku ini telah berpecah-pecah mengikut pembukaan tempat-tempat baru dan nama suku-suku baru ini adalah mengambil sempena nama tempat baru ini. A.B. Ramsay,¹⁴ telah mengemukakan satu rajah untuk menunjukkan pemecahan suku seperti berikut:

<u>Suku</u>	<u>Perut</u>
1. Semelenggang	i. Kampung Padang ii. Taboh iii. Naning
2. Anak Melaka	i. Kampung Bukit
3. Tiga Batu	i. Nisan Tinggi ii. Tiga Nenek
4. Mungkal (Mungkar)	i. Bedara ii. Kuala Ena

Bilangan ini berubah dari semasa ke semasa. Mengikut M.B. Hooker pula¹⁵ terdapat kira-kira 28 suku di Wilayah Naning dalam tahun-

-
13. Suratan Harvey, Notes On Naning Customs, SP 16/2/17, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, halaman 2.
14. A.B. Ramsay, "Notes On The Kampong Official in The Alor Gajah District of Malacca, 1932-1935, JMBRAS, Vol. xxiii, Pt. iii. 1950, halaman 97 - 98.
15. M.B. Hooker, Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, halaman 96.

tahun 1960an. Perpecahan suku dan perut baru itu adalah seperti berikut:

<u>Suku</u>	<u>Perut</u>	
1. Semelenggang	i. Batu Kikir	iv. Melekek
	ii. Bunga Tanjung	v. Naning
	iii. Ayer Hangat	vi. Ibu
2. Anak Melaka	i. Paya Dalam	v. Sungai Buluh
	ii. Limau Purut	vi. Rembau
	iii. Paya	vii. Kg. Bukit
	iv. Kundangan	viii. Solok
3. Tiga Batu	i. Lubuk Kepong	v. Nisan Tinggi
	ii. Kemus	vi. Cherana Puteh
	iii. Peliang	vii. Seri Air
	iv. Cherinage	
4. Mungkal (Mungkar)	i. Kemus	v. Machap
	ii. Arongan	vi. Bedara
	iii. Kuala	vii. Chinage
	iv. Peliang	

Di Kampung Pegoh dalam Wilayah Naning, hanya terdapat tiga buah suku, iaitu:

- i. Suku Anak Melaka
- ii. Suku Tiga Batu
- iii. Suku Semelenggang¹⁶

16. Keterangan oleh Jaalam Haji Idris, Batu 16, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

2.2 : Ideoloji Kesukuan.

Kesatuan di dalam suku diikat oleh persamaan nilai dasar yang terkandung di dalam kesatuan suku. Nilai dasar ini mengatur perhubungan antara anggota-anggota di dalam suku. Nilai dasar yang menjadi prinsip ideologi suku ini dapat dilihat dari perbilangan-perbilangan adat yang kerap digunakan di majlis-majlis perkahwinan dan lain-lain kegiatan adat. Perbilangan-perbilangan adat ini memelihara dan mengekalkan nilai ideal. Nilai-nilai inilah yang memberikan rujukan ideal dalam mengatur kehidupan sosial di peringkat kampung, amnya dan di peringkat suku khasnya.

Dalam Adat Perpatih, hidup masyarakat adalah bersuku-waris. Setiap individu mempunyai sukunya masing-masing dan hanya boleh menjadi anggota kepada satu suku sahaja.

Ahli suku terikat antara satu sama lain sekurang-kurangnya dalam dua tingkat hubungan iaitu hubungan yang terjelma dalam kedudukan sesama suku dan keduanya hubungan yang lebih dekat terjelma dalam kedudukan seperti. Hidup bersuku diibaratkan seperti kata perbilangan adat:

Kelebihan umat dengan muafakat,
Kelebihan Nabi dengan mujizat,
Bulat air kerana pembetong,
Buat manusia kerana muafakat,
Tatkala besar bernama adat, 17
Seraja adat kepada muafakat.

17. Petikan dari Sidang Othman bin Ibrahim, Batu 16½, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

Di antara anggota-anggota perut sentiasa terjalin perhubungan yang rapat sekali. Mereka diharapkan saling bantu membantu dan bekerjasama di dalam semua hal. Hubungan rapat di antara mereka dibayangkan melalui kata-kata adat yang berikut:

Seperigi sepermainan,
Segayung seperigian,
Sejambat setepian,
Muafakat ta' bertukar,
Rahsia ta' berubah.¹⁸

Setiap orang anak buah mempunyai kedudukan dan haknya, sesuai dengan peranan yang diharapkan oleh kelompok suku dan perutnya. Kedudukan dan peranan anak buah dilindungi oleh perbilangan yang berbunyi:

Kambing biasa membebek,
Kerbau biasa menguak,
Ayam biasa berkukuk,¹⁹
Murai biasa berkicau.

Istiadat berkampung²⁰ jelas memperlihatkan hal ini. Setiap anak buah adalah bebas mengeluarkan pendapatnya di dalam majlis ini. Malah sesuatu pendirian dari keputusan yang diambil tentang satu-satu hal merupakan pendirian atau keputusan bersama dan dipertanggungjawabkan

18. Petikan dari Jaalam Haji Idris, Batu 16, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

19. Petikan dari Sidang Othman Ibrahim, Batu 16½, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

20. "Adat Istiadat Berkampung" memainkan peranan yang penting dalam hidup secara perpatih. Istiadat ini merupakan satu istiadat berkumpul semua anak buah suku untuk membincangkan satu-satu masalah atau pendirian yang harus diambil untuk kepentingan bersama. Di dalam perhimpunan inilah juga selalunya semua kesalahan yang dilakukan oleh anak-buah diadili. Adat istiadat ini selalunya diketuai oleh Lembaga Suku, dan/atau buapak.

bersama oleh semua anggota suku dan/atau perut.

Nama baik anggota suku menjadi tanggungjawab bersama dan setiap anggota suku diharapkan memainkan peranan dalam mempertahankan nama baik suku dan perut masing-masing.

Hidup bersuku,
Malu sama tanggung,
Hasil sama rasa.²¹

Keadilan dan kehalusan nilai-nilai budi dalam Komuniti Adat Perpatih disanjung tinggi. Yang cacat dan lemah diberi tempat, serta diharapkan memainkan peranan tertentu untuk mengekalkan keadilan. Malahan setiap orang anak buah mempunyai kedudukan dan peranan yang tertentu seperti dilindungi oleh perbilangan yang berbunyi:

Kok buta menghembus lesong,
Kok patah penghalau ayam,
Kok bodoh disuruh arah,
Kok pekak pembakar bedil.
Yang kuat memikul beban,
Yang alim hendakkan doanya,
Yang kaya hendakkan emasnya,²²
Yang cerdik teman berunding.

Di sini setiap anggota masyarakat walaupun cacat adalah berguna belaka - satu lagi kehalusan budi dalam adat bagi menjaga dan memberangsangkan

21. Petikan dari Sidang Othman Ibrahim, Bt. 16½, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

22. Petikan dari Sidang Othman Ibrahim, Batu 16½, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

hati anak buah yang lemah dan cacat supaya mereka juga merasakan kehadiran mereka itu berguna dalam masyarakat.²³

Prinsip saling bergantung dan bantu membantu dipegang sebagai satu-satunya ideal dalam ideologi kesukuan. Adat tidak sekali-kali mengizinkan seseorang itu hidup secara mementingkan diri sendiri, dan memisahkan diri dari anggota suku yang lain. Dalam hal ini adat menegaskan:

"Kalau gedang jangan melanda,
Jika cerdek jangan menipu"²⁴

Adat sekali-kali tidak meredai hidup secara individu yang tidak langsung menghiraukan kesejahteraan anggota perut atau suku keseluruhannya. Malah ideologi kesukuan memandang kaji terhadap individu yang cuba memencilkan diri dari anggota suku yang lain. Setiap hal yang hendak dilakukan oleh anggota-anggota suku mestilah dipertimbangkan betul-betul dengan memikirkan baik buruknya dari segi anggota keseluruhannya. Ini penting, kerana suatu hal yang dilakukan, tidak dinilai sebagai perbuatan individu, tetapi ia dianggap perbuatan yang membayangkan hasrat anggota suku keseluruhannya. Dari hal yang demikian, maka perjalanan adat disusun dengan rapi dan ketat, supaya dapat mengawal setiap anggota suku dari melakukan perbuatan yang melanggar tata susila adat dan yang boleh menjatuhkan nama

23. Datuk Samad Idris, "Benarkah Demokrasi Bermula Di Minangkabau", Dewan Masyarakat, Jun 1974, halaman 45.

24. Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, halaman 34.

baik suku atau perut itu.

Prinsip ideal dalam sistem adat ini adalah termaktub dalam adat yang menjadi sumber rujukan kepada perilaku suku waris dalam masyarakat. Kata-kata perbilangannya ini berfungsi sebagai penduan umum bagi anggota masyarakat mengatur tatacara untuk mencapai matlamat-matlamat sosial yang bersifat kolektif melalui perpaduan di kalangan ahli-ahli suku waris.

2.3 : Perut-Perut Dalam Suku.

Perut dalam Adat Perpatih dikonsepsikan sebagai satu kelompok sosial. Ia adalah kelompok sosial yang terkecil daripada suku di mana anggota-anggota yang membentuk satu-satu perut itu mempunyai hubungan consanguineal yang lebih jelas daripada hubungan kekeluargaan dalam satu suku. Hubungan consanguineal ini ditentukan mengikut perkembangan ibu atau mengikut nisab ibu. Lazimnya satu-satu perut itu merupakan satu keluarga besar dan gabungan beberapa buah perut mengujudkan satu suku.²⁵

Dengan cara lain yang dikatakan sebagai perut itu ialah sekelompok anggota masyarakat yang benar-benar mempunyai hubungan dan salsilah (geneology) yang dapat digalurnya dengan jelas sehingga lima jenerasi berpunca dari se-

25. Mohd. Dahlan Hj. Aman, op. cit., halaman 16

orang nenek (perempuan) yang sama.²⁶ Jadi kaitan keturunan antara anggota yang sama nenek itu membentuk satu perut.

Prinsip keturunan nisab ibu adalah menjadi prinsip keanggotaan kelompok perut. Walau bagaimanapun sebagai kelompok yang operatif, keanggotaan bagi kelompok perut bukan sahaja berdasarkan anggota-anggota consanguineal dari perkembangan ibu tetapi keanggotaannya boleh juga melalui upacara berkedim.²⁷ Setelah anggota angkat itu melalui istiadat berkedim maka seluruh anggota seperut menganggap diri mereka sebagai satu kelompok dan antara satu dengan lain memanggil diri masing-masing dengan istilah kekeluargaan yang benar-benar digunakan dalam keluarga yang rapat, seperti anak atau ayah atau ibu, cucu atau puan atau datuk ataupun sebagai anak buah dan emak saudara atau bapa saudara.²⁸

26. Zainal Kling, Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara, Latihan Ilmiah 1966, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur halaman 50.

27. Istiadat Berkedim adalah satu istiadat yang dikenakan ke atas orang-orang luar yang tidak mempunyai suku untuk menjadi anggota di dalam komuniti Adat Perpateh. Syarat-syarat yang terdapat di dalam istiadat ini ialah (a) Individu yang hendak dikedimkan itu mestilah membuat keputusan untuk menjadi anggota dari mana-mana suku. (b) Setelah dikedimkan individu tadi tidak boleh berpindah ke suku lain. (c) Setiap keluarga yang hendak mengambil anak angkat untuk dikedimkan mestilah dahulu mendapat persetujuan dari kedim dan lembaga sukunya. (d) Individu yang hendak dikedimkan itu hendaklah diislamkan terlebih dahulu sekiranya individu itu terdiri dari individu-individu yang bukan beragama Islam. Terdapat tiga tahap penting dalam adat istiadat ini iaitu "Istiadat Berkampung", "Istiadat perayaan" dan "Istiadat Berdarah-darahan".

Lihat Kahar Bador, Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan, (unpublished typescript thesis submitted for the degree of Master of Arts in the Department of Anthropology), London School of Economic, University of London, halaman 37.

28. Lihat Zainal Kling, op. cit., halaman 66.

Dari kajian yang dilakukan di Kampung Pegoh, terdapat enam pecahan perut daripada tiga suku utama. Nama perut tersebut adalah seperti berikut:

Pecahan Suku Dan Perut
Di Pegoh, Wilayah Nanning, Melaka

<u>Nama Suku</u>	<u>Nama Perut</u>
1. Tiga Batu	i. Lubuk Kepong ii. Nesan Tinggi iii. Seri Ayer iv. Kampung Padang
2. Anak Melaka	i. Kundang ii. Limau Perut
3. Semelenggang	i. Batu kikir

Dari daftar di atas perut-perut yang lahir dari Suku Tiga Batu terbahagi kepada empat pecahan iaitu Tiga Batu Lubuk Kepong, Tiga Batu Nesan Tinggi, Tiga Batu Seri Ayer dan Tiga Batu Kampung Padang. Manakala perut yang lahir daripada Suku Anak Melaka adalah Anak Melaka Kundang dan Anak Melaka Limau Perut. Suku Semelenggang pula ialah Batu Kikir.

Daripada ketujuh-tujuh perut daripada tiga suku tadi, Perut Tiga Batu Lubuk Kepong yang terdapat di kawasan kajian merupakan perut yang tertinggi sekali jumlah keanggotaannya jika dibandingkan dengan perut-perut yang lain. Dari kajian yang dijalankan, keadaan ini berlaku disebabkan oleh jumlah perempuan dalam perut ini adalah tinggi dengan itu kadar kelahiran adalah tinggi. Jika besar kadar kelahiran, maka besarlah jumlah bilangan anak buahnya dalam perut itu.

Dalam konteks Kampung Pegoh, semua kelompok-kelompok perut ini hidup bercampur gaul dengan tidak menunjukkan adanya pemisahan locality. Ini disebabkan oleh mobiliti mendatar di kalangan anggota-anggota seperut. Didapati mereka telah mendirikan rumah tangga di merata-rata kawasan kampung tanpa berkelompok menurut kelompok-kelompok perut masing-masing. Oleh itu kelompok perut di kawasan kajian bukanlah satu kelompok yang localized hanya core-group iaitu kelompok rumah tangga yang mendiami tempat asal nenek-moyang mereka sahaja yang dapat dianggap localized.


Ketua perut dikenal dengan nama buapak atau ibu bapa. Perlantikannya berdasarkan suara majoriti anggota-anggota satu-satu perut itu. Umumnya tugas buapak dibahagikan kepada dua, iaitu tugas ke dalam dan tugas ke luar.²⁹ Dari segi tugas ke dalam, buapak itu bertanggung jawab kepada segala hal yang bersabit dengan kelompok yang dipimpinnya.

29. Nordin Selat, "Pimpinan Dalam Adat Perpateh", Seminar Persejarahan Dan Adat Perpateh, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974 halaman 2.

Misalnya, beliau ditugaskan untuk mengawasi harta pesaka dan menyelesaikan masalah-masalah anak buah. Dari segi tugas ke luar beliau mewakili kelompoknya dalam hubungan dengan kelompok-kelompok lain. Dalam konteks ini, beliau bertanggungjawab untuk mengemuka, mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan kelompoknya.

Satu-satu perut itu terjadi melalui tiga cara iaitu, pertamanya satu perut baru boleh diwujudkan apabila ada proses perpecahan berlaku. Misalnya X mempunyai dua orang anak perempuan A dan B. Apabila anak-anak itu sudah berkahwin, seorang daripadanya (B) berpindah ke tempat lain atau ke kampung lain. Dengan itu, B dan anak-anaknya lambat laun boleh menubuhkan satu perut baru yang berlainan daripada perut A. Tetapi anak-anak B tetap menjadi ahli kepada suku ibunya(B) dan juga suku A. Namun jikalau B selepas berkahwin tidak berpindah ke tempat lain, maka B tetap satu perut dengan A. Sila lihat rajah di bawah.

Gambarajah 2.ii : Keujudan Perut Melalui Perpecahan



Keterangan:

Kalau B berpindah ke kampung lain, ia boleh mengujudkan satu perut baru. Akan tetapi keturunan A dan B adalah masih kekal dalam satu suku yang sama.


Satu-satu perut itu boleh juga diwujudkan apabila satu kumpulan individu dari suku yang sama tetapi dari daerah luar, datang dan membuat tempat kediaman di suatu tempat yang sama, maka kumpulan yang baru datang itu boleh membentuk satu perut baru dalam suku itu. Akhirnya satu perut mungkin juga diwujudkan apabila satu-satu perut itu telah berkembang iaitu lebih dari tiga keturunan. Cara ketiga inilah yang banyak terjadi sekarang. Bagaimanapun yang penting ditegaskan ialah hakikat perut pada prinsipnya berpuncakan seorang moyang perempuan yang dapat ditentukan.

Hubungan anggota-anggota sesama perut adalah hubungan obligation dan juga hubungan jurai, iaitu hubungan-hubungan antara anggota-anggota sesama perut mengandungi hak dan tanggungjawab yang amat besar sekali kerana anggota-anggota dalam satu-satu perut itu senantiasa diharapkan menjaga dan mengekalkan perpaduan mekanikal.

2.4 : Jurai-Jurai Dalam Perut.

Perut dapat dipecahkan ke dalam bahagian yang lebih kecil lagi yang dipanggil "jurai". Jurai selalunya merupakan sebuah kelompok keluarga yang berasal dari seorang nenek yang dapat dipastikan. Jurai ini akan bertambah mengikut bertambah ramainya atau bertambah banyak kelompok itu. Sila lihat rajah di halaman 26(a)

Perhubungan antara anggota-anggota dalam satu jurai itu adalah rapat dan lebih rapat lagi jika dibandingkan dengan perhubungan antara


Gambarajah 2.iii : Jurai Dalam PerutKeterangan:

Gambarajah ini menunjukkan situasi di mana seseorang itu boleh menjadi kedindan. A, B, C adalah ahli-ahli yang boleh menjadi kedindan. Kiranya A masih hidup pada idealnya ia dianggap kedindan bagi jurai di mana B dan C boleh memegang rol itu.

anggota-anggota dalam satu perut.³⁰ Ini dapat disaksikan di mana anggota-anggota jurai senantiasa saling ziarah menziarahi dan bertemu muka, terutama dalam kenduri kecil-kecilan. Semua anggota-anggota jurai akan dijemput dan tidak pernah ditinggalkan.

Keanggotaan dalam jurai dan perut adalah bertindan lapis kerana seseorang yang menjadi anggota jurai pada satu masa yang sama adalah menjadi anggota perut. Oleh kerana keanggotaan mereka adalah bertindan lapis maka jika berlaku sebarang konflik, sokongan antara anggota-anggota adalah berdasarkan sifat keanggotaan ini. Keadaan ini ditunjukkan seperti rajah di bawah.

Gambarajah 2.iv : Kedudukan bertindanlapis dalam jurai dan perut.



30. Norhalim bin Ibrahim, Kekeluargaan Dan Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa Di Rembau, Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1971, halaman 32.

Gambarajah di atas menunjukkan seseorang yang menjadi anggota dalam satu-satu jurai adalah tergolong dalam satu-satu perut. Dari satu-satu perut itu pula ia akan tergolong ke dalam suku dan seterusnya menjadi anggota dalam Wilayah Naning.

Dalam organisasi masyarakat Perpateh, kelompok jurai lazimnya menyertai kelompok perut dalam menjalankan majlis sosial seperti perkahwinan dan kematian.

Ketua bagi jurai dipanggil "Tua". Ia mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan hal-hal nikah kahwin dan menyelesaikan konflik antara adik beradik.

Dari keterangan di atas jelas menunjukkan jurai adalah satu kelompok sosial yang terkecil dalam kelompok suku. Sebagai kelompok sosial, ia lebih merupakan kelompok sosial primary.

2.5 : Anak Buah Dalam Suku.

Di Wilayah Adat Perpateh keanggotaan anak buah melalui tiga cara iaitu pertamanya melalui perkembangan perut ibu, kedua melalui kuasa berkedim dan ketiganya melalui saluran perkahwinan atau semenda menyemenda.

Dalam susunan ideal type, susunan anak buah di kampung ini terbahagi kepada empat jenis hubungan iaitu:


- i. Satu suku satu waris.
- ii. Satu suku lain waris.
- iii. Satu waris lain suku.
- iv. Lain suku lain waris.

i. Kedudukan Satu Suku Satu Waris.

Ikatan satu suku satu waris wujud apabila dua bersaudara lelaki dari satu suku menyemenda dan berkahwin dengan dua orang perempuan yang menjadi anggota suku yang sama. Anak kedua bersaudara tadilah yang mempunyai ikatan 'satu suku satu waris'. Keadaan ini berlaku kerana anak-anak tadi mengikut suku sebelah emak mereka dan mereka pula berasal dari satu waris, iaitu mengikut hubungan sebelah bapa.

Keadaan ini ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Gambarajah 2.v : Kedudukan Satu Suku Satu Waris



Petunjuk:

— — — Perhubungan waris.


(Keterangan dan Gambarajah: 2.v, 2.vi, 2.vii, 2.viii dipetik dari Mohd Dahlan Hj. Aman, Pentadbiran Adat Ke Atas Sistem Tanah di Nanning(Melaka)).

Rajah di atas menunjukkan Ego I adik beradik dengan Ego II adik beradik adalah tergolong dalam suku yang sama iaitu suku Tiga Batu. Mereka juga mempunyai perhubungan waris yang sama iaitu Ego I adik beradik dengan Ego II adik beradik mempunyai perhubungan datuk sebelah bapa yang sama. Oleh itu dikatakan Ego I adik beradik dan Ego II adik beradik dalam kedudukan satu suku satu waris.

ii. Kedudukan Satu Suku Lain Waris.

Kedudukan ini wujud apabila dua orang lelaki berlainan suku berkahwin di dalam satu suku. Anak kedua lelaki dengan si isteri yang sama-sama suku inilah yang mempunyai ikatan satu suku lain waris. Keadaan ini ditunjukkan seperti gambarajah di bawah:

Gambarajah 2.vi : Kedudukan Satu Suku Lain Waris



Petunjuk:


- (i) — — — Perhubungan waris
Perhubungan (a) dan perhubungan (b) menunjukkan dua aliran darah yang berlainan
- (ii) fa = bapa, mo = ibu, dr = anak perempuan, So = anak lelaki

Rajah di atas menunjukkan Ego I - fa dan Ego II - fa adalah dua perhubungan darah yang berlainan. Dengan demikian Ego I dan Ego II mempunyai perhubungan waris yang berlainan. Ego I dan Ego II adalah dari suku yang sama iaitu Suku Tiga Batu dan mereka berkahwin ke dalam suku yang sama iaitu Suku Melaka Paya Dalam. Oleh itu kedudukan Ego I - dr dan Ego I - So, di sudut perhubungan suku adalah satu suku dengan kedudukan Ego II - dr dan Ego - so tetapi di sudut perhubungan waris, kedudukan mereka telah berlainan. Kedudukan seperti beginilah dikatakan satu suku lain waris.

iii. Kedudukan Satu Waris Lain Suku.

Kedudukan ini wujud bila lelaki berkahwin dua, dengan dua orang perempuan yang berlainan suku. Kedudukan ini menjelmakan perhubungan suku yang berlainan tetapi perhubungan waris yang sama. Kedudukan ini ditunjukkan dalam gambarajah di bawah:

Gambarajah 2.vii : Kedudukan Satu Waris Lain Suku



Petunjuk:

TB = Suku Tiga Batu
 AMSB = Suku Anak Melaka Sungai Buluh


AML P = Suku Anak Melaka
 Limau Perut

--- = Perhubungan waris

Rajah di atas menunjukkan kedudukan Ego I, Ego II dan Ego III ialah satu suku satu waris. Ego II berkahwin ke dalam suku AMSB, dengan itu anak-anak Ego II tergolong ke dalam suku AMSB juga. Ego III berkahwin ke dalam suku AMLP; dengan itu perhubungan antara anak-anak Ego II dengan anak-anak Ego III ialah tergolong dalam kedudukan anak buah satu waris lain suku.

Kedudukan anak buah satu waris lain suku boleh wujud jika seorang lelaki berkahwin ke dalam dua suku yang berlainan. Kedudukan ini ditunjukkan seperti rajah di bawah:

Gambarajah 2.viii : Kedudukan Satu Waris Lain Suku Dari Perkahwinan Seorang Lelaki Ke Dalam Dua Suku Berlainan.



Petunjuk:

- S = Suku Semelenggang
- TB = Suku Tiga Batu
- AMKL = Anak Melaka Kampung Lekok.
- = Perhubungan waris.

Rajah 2.viii menunjukkan A dari suku S berkahwin ke dalam suku TB dan suku AMKL. Oleh itu kedudukan Ego I adik beradik ialah satu suku satu waris, begitu juga kedudukan Ego II adik beradik. Perhubungan antara Ego I adik beradik dengan Ego II adik beradik digolongkan ke dalam satu waris lain suku.

iv. Kedudukan Lain Suku Lain Waris.

Kedudukan begini mengujudkan perhubungan yang berlainan di sudut suku dan waris. Bagi menerangkan kedudukan ini lihat kembali rajah 1.v. Dari gambarajah itu, perhubungan antara anak-anak Ego I dan anak-anak Ego II termasuk juga anak-anak Ego III, tertakluk dalam kedudukan lain suku lain waris. Kedudukan anak buah begini memungkinkan berlakunya semenda menyemenda.

Dari empat jenis kedudukan anak buah ini, terjemalah tiga jenis perhubungan kekeluargaan tradisional di Wilayah Adat. Tiga jenis perhubungan ini terjelma apabila ada majlis sosial misalnya nikah kahwin dan kenduri-kendara. Tiga jenis perhubungan anak buah itu ialah pertamanya perhubungan menegak, kedua perhubungan diagonal dan akhirnya perhubungan mendatar.³¹

Jenis hubungan menegak menunjukkan pertalian suku atau perut. Hubungan diagonal (melintang) pula adalah berdasarkan pertalian darah

31. Mohd. Dahlan Hj. Aman, op. cit., halaman 25.

keturunan bapa. Hubungan mendatar adalah hubungan anak buah yang mempunyai ikatan suku. Hubungan antara suku juga adalah termasuk di dalam jenis hubungan ini.

Di sudut sosial, hubungan-hubungan ini meletakkan anak buah di bawah kuasa adat dan dari segi ekonomi, hubungan ini memelihara struktur keluarga besar yang berfungsi sebagai satu economic asset dalam pengeluaran terutamanya dan dalam penggunaan amnya.³²

Susunan Kedudukan Anak Buah Dalam
'Actual Type-Construct' Sekarang.

Susunan kedudukan anak buah dari keempat-empat jenis tadi masih lagi terdapat akan tetapi beberapa kelonggaran dalam susunannya jelas dilihat. Kelonggaran di dalam susunan ini melemahkan perhubungan mekanikal di kalangan anggota-anggota suku dan di antara penduduk-penduduk kampung. Perubahan-perubahan ini adalah non-emergent dan dari structural term perubahan ini memperlihatkan tendensi memisahkan keluarga asas daripada keluarga yang besar.³³

Dari kajian yang dijalankan, berlakunya perubahan-perubahan dalam susunan kedudukan anak buah ini adalah disebabkan oleh:

32. Ibid., halaman 34.

33. Ibid., halaman 35.

Adanya mobiliti di kalangan penduduk kampung dan mobiliti ini telah melemahkan susunan keluarga besar dan kedudukan anak buah. Ujudnya mobiliti ini akibat proses perkembangan ekonomi yang menimbulkan the certificate holding class³⁴

yang disedut ke dalam sistem birokrasi dalam pemerintahan baru. Golongan ini misalnya dari kakitangan kerajaan, pekerja-pekerja berkemahiran di pusat-pusat perindustrian dan guru-guru. Selain daripada itu juga ujudnya dualisma yang selaras dengan konsep Boeke³⁵ di bidang ekonomi. Terdapat dua sektor iaitu sektor subsistence dan sektor kapitalis. Kedua-dua sektor ini tidaklah ujud dalam keadaan yang terpisah. Di Kampung Pegoh ciri-ciri dualisma dalam bidang ekonomi semakin jelas. Aktiviti ekonomi yang lazim dan tradisional ialah pertanian padi. Di samping itu terdapat juga individu melibatkan diri dalam ekonomi kewangan seperti berkedai dan menoreh getah.

Ujudnya mobiliti akibat proses perkembangan ekonomi di kampung ini sehingga melonggarkan kedudukan anak buah dapat dilihat dari dua sudut iaitu mobiliti individual atau kolektif dan mobiliti mendatar. Yang paling melemahkan kedudukan anak buah ialah mobiliti mendatar jenis individual. Mobiliti mendatar jenis ini berlaku dalam dua cara di kampung Pegoh:

(a) Kesempatan Bekerja Di Tempat Lain

Oleh kerana tidak adanya sumber-sumber pekerjaan yang sesuai

34. Mokhzani B. A. R., The Study of Social Stratification and Mobility in Malaya, University of Malaya, Reprinted for East Asia Culture Studies, March, 1965.

35. Cyril S. Blashaw, The Traditional Exchange and Modern Markets, Prentice-Hall 1965, halaman 95.

di kampung maka the certificate holding class berhijrah ke pusat-pusat perbandaran dan perindasterian seperti bandar Melaka, Kuala Lumpur dan lain-lain.

(b) Semenda Menyemenda (perkahwinan)

Proses ini berlaku dalam dua cara iaitu:

i. Ahli-ahli lelaki dari suku yang sama menyemenda dengan orang luar (individu yang bukan dari Adat Perpateh). Berdasarkan adat yang di-adat bila seorang lelaki hendak berkahwin dengan seorang perempuan bukan dari Adat Perpateh, bakal isteri itu terlebih dahulu melalui istiadat berkedim. Tujuannya ialah menentukan sukunya dan kedudukan anak-anaknya kelak. Apa yang ujud sekarang ialah adat istiadat berkedim telah ditinggalkan dan pada masa perkahwinan masing-masing pihak memakai adat sendiri. Tindakan begini merumit dan melemahkan kedudukan anak buah sebab anak-anak mereka kelak tidak boleh dimasukkan ke dalam mana-mana suku. Kedudukan semacam ini memberikan tendensi kepada pemisahan keluarga asas daripada keluarga besar dan ini membolehkan ujudnya pergeseran adat jikalau house hold itu didirikan di tanah pesaka yang ditumpangi oleh ahli lelaki.

ii. Ahli (suku) perempuan berkahwin dengan orang luar.

Perkahwinan di dalam Adat Perpateh adalah pada prinsipnya tertakluk pada sistem matrilocal. Apa yang berlaku di Kampung Pegoh sekarang ialah telah terdapat ciri partilocal dalam perkahwinan. Ini bererti si isteri dibawa tinggal dalam household famili asas bagi suaminya. Dalam hal


penempatan, kebanyakan si suami tinggal bersama dengan keluarga si isteri. Bagaimanapun sekarang ini telah terdapat beberapa kes di mana si suami membawa isterinya tinggal di luar household famili bagi si isteri.

Di Kampung Pegoh akibat mobiliti di kalangan anak buah, didapati hubungan mekanikal sudah mula mengalami kelonggaran. Bagaimanapun, apabila terdapat majlis-majlis sosial, hubungan mekanikal ini masih ujud, meskipun konstrain (constraint) adat semakin berkurangan.

2.6 : Kedin Kodeh Dalam Perut

Di dalam satu keluarga besar, yang lazimnya lebih merupakan satu perut, ada terdapat beberapa jurai dan jurai ini mengandungi beberapa famili asas. Ketua bagi perut ialah buapak dan ketua bagi jurai ialah kedin.³⁶

Gambarajah 2.xi : Kedudukan Kedin Dalam Perut



(Rajah di atas dipetik dari Mohd. Dahlan Hj. Aman, "Pentadbiran Adat Ke Atas Sistem Tanah Di Nening", halaman 79)

Kedim terdiri saudara lelaki yang tertua sekali di kalangan adik beradik. Ia mempunyai fungsi yang agak penting dalam kelompok jurai iaitu menyelesaikan konflik yang timbul di kalangan suku waris dan menguruskan soal semenda menyemenda. Dalam menyelesaikan konflik di antara suku waris ia akan menggunakan kewibawaannya bagi menyelesaikan sebarang ketegangan yang timbul. Dalam aspek semenda-menyemenda, lazimnya kedim menjadi jurucakap pihak perempuan dalam upacara peminangan. Dialah yang memutuskan samada pinangan itu diterima ataupun ditolak. Dalam majlis perkahwinan, lazimnya juga kedim menjadi ketua dalam majlis tersebut. Namun begitu demi menghormati orang yang mempunyai kuasa yang lebih darinya, maka pada lazimnya majlis tersebut diserahkan kepada buapak, ataupun kepada lembaga di peringkat kelompok sosial yang lebih luas.

Pada idealnya anak buah harus menghormati kedim dan segala keputusan yang dibuatnya. Tetapi sekarang, pengaruh kedim ke atas anak buah semakin lemah. Tambahan pula sekiranya kedudukan ekonomi anak buah itu lebih teguh dibandingkan dengan kedudukan ekonomi kedim itu.

Sebagai kesimpulan, adalah jelas bahawa kedim mempunyai fungsi yang agak penting dalam kelompok jurai. Ia mempunyai kewibawaan dalam menyelesaikan konflik yang timbul di kalangan suku waris, terutamanya yang terhad kepada unit sosial perut dan jurai.

BIBLIOGRAFI

1. Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
2. Chander R., Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, April 1971.
3. Che Uda Che Nik, "Struktur Sosial Dan Ekonomi Di Wilayah Adat Perpatih Naning 1900 - 1940", Latihan Ilmiah 1973, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
4. Cyril S. Blashaw, The Traditional Exchange and Modern Markets, Prentice-Hall 1965.
5. Datuk Samad Idris, "Benarkah Demokrasi Bermula Di Minangkabau", Dewan Masyarakat, Jun 1974.
6. de Jong P.E. de J., Minangkabau and Negeri Sembilan, (Socio Political Structure in Jelebu), Bharata, Djakarta, 1960.
7. Fox R., Kinship and Marriage, A Pelican Original, Penguin Book Ltd. England.
8. Gehard Lensky, Human Societies, Mc Graw-Hill Book Company, 1970.
9. Gullick J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cetakan Pertama.
10. Hooker M.B., Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
11. Innes, "Notes On Naning Customs", Suratan Harvey MSS SP 16/2/6 - 5 July, 1892, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
12. Kahar Bador, Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan, (unpublished typescript thesis submitted for the degree of Master of Arts in the Department of Anthropology), Londoh School of Economic, University of London.
13. Mohamed Din Ali, Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu, The Economy Printers Ltd., Kuala Lumpur.

14. Mohamed Din Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol. 2, No. 2, Malaysian Sociological Institute Ltd., Singapore.
15. Mohd. Dahlan Hj. Aman, "Pentadbiran Adat Ke Atas Sistem Tanah Di Naning - Melaka, Latihan Ilmiah 1968, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
16. Mokhzani B.A.R., The Study of Social Stratification and Mobility in Malaya, University of Malaya, Reprinted for East Asia Culture Studies, March, 1965.
17. Nordin Selat, "Pimpinan Dalam Adat Perpatih", Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.
18. Norhalim bin Ibrahim, "Kekeluargaan Dan Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa Di Rembau", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
19. Notes and Queries on Social Anthropology, Routledge and Kegan Paul, London, 65h. ed. reprint 1960.
20. Radcliffe - Brown A.R. & D. Fordes (eds), African Systems of Kinship and Marriage, Oxford University Press, London 1958.
21. Ramsay A.B., "Notes On The Kampong Official in The Alor Gajah District of Malacca, 1932 - 1935, JMBRAS, Vol. xxiii, Pt. iii 1950.
22. Sulaiman Rasjid, Fiqh Islam, Djakarta, 1960.
23. Suratan Harvey, Notes On Naning Customs, SP 16/2/17, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
24. Swift M.G., Malay Peasant in Jelebu, London School of Economic, Monographs of Social Anthropology, No. 29, The Athlone Press, London, 1965.
25. Syed Husein Ali, Pattern of Rural Leadership in Malaya, Report of Research Carried Out Under The Sponsorship of UNESCO Research Center University Evclave Delhi, India.
26. Zainal Kling, "Sistem Penghulu Di Daerah Alor Gajah Melaka", Latihan Ilmiah 1966, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
27. Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara", Latihan Ilmiah 1966, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN I

ATURAN HUKUM BUNUH

dikatakan oleh

Tengku Antah Yamtuan Serimenanti
Suratan Harvey, MSS. SP.16/2/14.

Cincang Pampas (ertinya orang yang melukai seseorang itu mahulah memberi seekor kerbau dan disembelih dan dimakan beramai-ramai dan kain 20 hasta akan pelilit yang luka itu) berdamailah.

Bunuh beri balas (ertinya sipembunuh membayar denda atau menyerahkan dirinya kepada waris yang terbunuh itu dan masuklah ia ke suku itu).

"Ini fasal hukum denda atas sipembunuh".

- 1) Jika Raja menghukum 66 kupang setahil 'Japita' (dibilangan ringgit menjadi \$28), iaitu di atas seorang yang membunuh orang dalam kampung Raja.
- 2) Jika penghulu menghukum sebahara (\$14).
- 3) Jika lembaga menghukum 20 serpi (\$7)

Jikalau sekiranya tidak mendapat kenyataan am siapa yang membunuh itu tetapi ada cedera hati pada seseorang maka Raja boleh meletakkan hukuman 66 kupang itu (28) pada tiap sebuah rumah yang berkeliling dekat orang yang terbunuh itu. Supaya jika mereka takut membayar denda itu, tentulah dikeluarkannya rahsia itu, dan jika tiada dikhabarkan rahsia itu, wajiblah ia membayar denda itu. Tetapi adatnya jikalau orang-orang yang akan kena denda itu pergi mendapatkan penghulu, maka bolehlah penghulu membayarkan denda itu separuh sahaja.

Demikianlah juga kalau salah kepada penghulu, boleh pula lembaga membayarkan denda itu separuh dan salah kepada lembaga, ketua suku boleh membayar separuh.

Adat dan hukum yang diamalkan pada zaman
tua-tua - Adat Perpateh

- A. 1. Berjuang naik
2. Bertangga turun.

Ertinya (1) Kesalahan anak buah yang tidak terbicara oleh Lembaga, dihadapkan kepada Undang (Penghulu) dan jika tidak terputus olehnya dibawa kepada keadilan (Raja).

(2) Apabila raja hendak menghukum/denda di atas seseorang rakyat maka terlebih dahulu ditibakan hukum itu kepada undang dan daripada undang itu dijatuhkan pula kepada lembaga, maka lembaga-lah menyampaikan hukum itu kepada anak buahnya.

- B. (I) Tali pengikat pada Raja (II) Keris penyalang kepada Undang, (III) Pedang pemancung kepada keadilan.

Ertinya: Anak buah yang bersalah itu diikat oleh lembaga, dihadapkan kepada undang, maka disalanglah oleh undang, jika tidak terputuskan bicara itu oleh undang, maka disembahkan kepada keadilan, Rajalah memancungnya.

- C. Perkara yang boleh dijatuhkan hukum bunuh:

- (I) Sumbang Salah (II) Upas Racun (III) Rumbun Bakar
(IV) Derhaka Celaka (V) Melesih Memotong.

- (I) Seorang yang berzina dengan saudara atau sukunya.
(II) Seorang yang memberi makan racun akan seseorang.
(III) Seorang yang membunuh lembaga.
(IV) Seorang yang mengenakan seseorang dengan aniaya hikmat hantu syaitan.

Itulah sahaja yang boleh dihukum bunuh. Tetapi jika seseorang salah itu terlepas daripada hukuman bunuh, itulah maknanya melarikan darah mati. Umpamanya jika tidak sempat ia masuk ke dalam kampung Raja, dicampakkan sahaja sepotongan kepalanya itu ke dalam pagar Raja, maka terlepaslah juga itu daripada hukuman mati itu, melainkan jadi orang dalam (hamba raja) selama-lamanya, dan jikalau dibunuh juga ia oleh sesiapa pun, maka di belakan oleh Raja 7 orang kepada waris yang membunuh itu.

- D. Adapun hukuman atas tikam bunuh, Samun samar, maling curi, dan sebagainya itu didenda dengan ringgit sahaja, iaitu dibawa orang salah itu oleh lembaga kepada undang maka jika kesalahan membunuh orang, maka dilacurkan oleh undang akan yang salah itu kepada pihak waris yang terbunuh, masuklah ia ke suku itu, ganti simati, maka waris pihak yang salah itu membayar hukum denda, kepada lembaga 20 emas (\$7) dan kepada undang sebahara (\$14) dan kepada Raja 66 kupang (\$28).

Tetapi bolehlah dengan mufakat, dibayarkan oleh lembaga akan denda itu kepada lembaga separuh sahaja dan yang separuh itu didapati oleh lembaga dan undang pun boleh juga membayar denda itu kepada Raja, separuh dan yang separuh itu undang mendapatnya.

Ada kala pula lembaga menghukum atas kesalahan anak buahnya dalam diam-diam sahaja, jika tiada diketahui oleh raja dan penghulu habislah begitu sahaja perkara itu. Tetapi jika diketahui oleh raja

atau penghulu, maka dikumpulkanlah pula akan orang salah itu, sebagaimana hukuman yang telah diadatkan itu, demikian lagi kalau penghulu menghukum diam-diam sahaja, itupun boleh raja menghukum sekali lagi akan orang salah itu.

Dan lagi jikalau orang yang bertikam, maka mati seorang, dan jika ketika itu dibela oleh waris yang mati itu dan mati pula yang menikam dahulu itu, tiadalah apa lagi perkaranya, melainkan kedua pihak waris itu membayar hukum denda kepada lembaga undang dan keadilan, bagaimana yang sudah diadatkan.

Sekian.

LAMPIRAN II

NAMA-NAMA PENGHULU NANING SEJAK ZAMAN
PORTUGIS HINGGA SEKARANG
1632 - SEKARANG

<u>NAMA</u>	<u>SUKU</u>	<u>TAHUN</u>
1. Datuk Siroja Merah	Biduanda	1632 (1052)
2. Datuk Siroja Merah II	Biduanda	TIDAK DIDAPATI
3. Datuk Juara Megat	Semelenggang	"
4. Datuk Gegah	"	"
5. Datuk Maulana Garang	"	"
6. Datuk Janggut	"	"
7. Datuk Timba	"	"
8. Datuk Anjak	"	"
9. Datuk Dol Said	"	-

DIPETIK DARI ABDULLAH B. ABDUL KADIR MUNSHI,
THE HIKAYAT ABDULLAH, A.H.HILL, JMBRAS, 1955,
VOL. 28, PT. III, KUALA LUMPUR, 1970 HAL. 355.

NAMA-NAMA PENGHULU NANING SELEPAS 1832

<u>NAMA</u>	<u>SUKU</u>	<u>PERUT</u>	<u>TAHUN</u>
1. Datuk Idas	Semelenggang	3	1834-1870
2. Datuk Mohd. Salleh	"	1	1870-1895
3. Datuk Ranting	"	2	1895-1900
4. Datuk Hassan	"	-	1900-1916
5. Datuk Umar	"	-	1917-1922
6. Datuk Osman Kering (Pada mulanya Datuk Arshad Pangku)	"	2	1925-1941
7. Datuk Che'lah	"	2	1946-1951
8. Datuk Mohd. Shah	"	3	1953-

PETIKAN DARI SHAHBA, PUSTAKA NANING,
KUALA PILAH, 1951 HALAMAN 55 - 60.

LAMPIRAN III

